

TERHAD



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR TINGKATAN 3

PAT3 2019

UJIAN BERTULIS
KERTAS 1
OGOS

1 Jam 30 Minit

02/1

Bahasa Melayu

ARAHAN:

1. Buka kertas peperiksaan ini apabila diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian; **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
3. Anda dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **Bahagian B** serta **satu** soalan daripada **Bahagian C**.
4. Bagi **Bahagian A**, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.
5. Bagi **Bahagian B**, **tiga** soalan disediakan. **Soalan (1)** merupakan soalan **objektif pelbagai bentuk** tentang **sistem bahasa**. **Soalan (2)** merupakan soalan **subjektif pemahaman petikan**, dan **soalan (3)** pula merupakan **soalan subjektif novel**. Jawab semua soalan dalam ruangan jawapan yang disediakan.
6. Bagi **Bahagian C**, **dua** soalan **subjektif** dikemukakan tentang **pemindahan maklumat**. Pilih **satu** soalan sahaja.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-20	20	
B	21-29	25	
C (Pilih satu)	30 (a)	15	
	30 (b)	15	
	Jumlah	60	

NAMA :

ANGKA GILIRAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Kertas peperiksaan ini mengandungi 20 halaman bercetak.

BAHAGIAN A

[20 markah]

[Masa dicadangkan: 30 Minit]

Soalan 1 - 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Para _____ tanah air telah dihantar ke negara Jepun untuk membantu mangsa gempa bumi dan tsunami.
- A hartawan
 - B dermawan
 - C bangsawan
 - D sukarelawan
- 2 Kebanyakan barang yang disimpan di dalam stor itu telah rosak _____ tikus.
- A digerit
 - B digigit
 - C dikesip
 - D diketip
- 3 Shafiq cuba mengubah kedudukan meja kayu itu _____ ruang tamu _____ ruang dapur rumahnya.
- A dari ... ke
 - B dari ... kepada
 - C daripada ... ke
 - D daripada ... kepada

Soalan 4 - 5

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan D.

4 Kemunculan budaya K-Pop menyebabkan adat ketimuran semakin dilupakan oleh

A
setengah-setengah Generasi Y pada masa ini. Tiada kesalahan.
B C D

5 Masyarakat telah melakukan pelbagai cara untuk awet makanan supaya lebih tahan

A B C
lama. Tiada kesalahan.
D

Soalan 6 - 7

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 6 I Husin *memikul* baldi yang berisi air untuk dibawa pulang ke rumahnya kerana bekalan air terputus.
II Pihak ibu bapa diseru supaya *memikul* tanggungjawab mendidik anak-anak mereka dengan sempurna.
III Setiap rakyat hendaklah *memikul* hasrat kerajaan dalam usaha memperkukuh perpaduan kaum.
IV Pasukan keselamatan *memikul* senjata semasa acara perbarisan sambutan Hari Pahlawan.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 7 I Puan Salmiah suka memakai pakaian berwarna *cerah* ketika hadir ke majlis rasmi.
- II Menurut Jabatan Meteorologi, cuaca pada hari esok diramal *cerah*.
- III Pelajar berdisiplin mempunyai masa depan yang *cerah*.
- IV Ramai pelajar gemar berkawan dengan Hasan kerana hatinya yang *cerah*.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 8 - 9

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 8 Halimah percaya benar bahawa anaknya tidak terbabit dengan tuduhan jenayah kolar putih.
- A sungguh percaya benar
- B teramat percaya benar
- C sangat percaya benar
- D percaya benar
- 9 Jawatankuasa Paralimpik Asia telah menganugerahkan atlet paralimpik negara, Mohamad Ridzuan Puzi sebagai Atlet Para Terbaik Lelaki Asia.
- A anugerahkan atlet paralimpik
- B menganugerah atlet paralimpik
- C menganugerahi atlet paralimpik
- D menganugerahkan atlet paralimpik

Soalan 10 - 11

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

- 10 **Pencemaran bahasa dapat dielakkan sekiranya semua pihak menggunakan bahasa Melayu dengan betul.**
- A Bahasa Melayu yang digunakan dengan betul dapat mengelakkan pencemaran bahasa.
 - B Penggunaan bahasa Melayu yang betul dapat mengelakkan pencemaran bahasa semua pihak.
 - C Semua pihak menggunakan bahasa Melayu dengan betul sekiranya pencemaran bahasa dapat dielakkan.
 - D Sekiranya semua pihak menggunakan bahasa Melayu dengan betul, pencemaran bahasa dapat dielakkan.
- 11 **Sebagai warganegara Malaysia, kita perlu berpegang teguh pada prinsip Rukun Negara agar keamanan dan kemakmuran tanah air dapat dikekalkan.**
- A Keamanan dan kemakmuran tanah air dapat dikekalkan dengan adanya prinsip teguh Rukun Negara.
 - B Rukun Negara merupakan pegangan teguh warganegara Malaysia untuk mengekalkan keamanan dan kemakmuran tanah air.
 - C Kita perlu berpegang teguh pada prinsip Rukun Negara sebagai warganegara Malaysia agar keamanan dan kemakmuran tanah air dapat dikekalkan.
 - D Jika kita berpegang pada prinsip Rukun Negara keamanan dan kemakmuran negara mungkin akan dapat dikekalkan.

Soalan 12 - 13

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 12
- I Novel Salina karya Sasterawan Negara A. Samad Said telah dibaca oleh saya.
 - II Pak Abu menceritakan tentang pengalamannya menentang komunis.
 - III Layang-layang itu tersangkut di tiang telefon kerana diterbangkan angin.
 - IV Pekerja baharu kilang itu mempelajari cara pengendalian mesin daripada ketuanya.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 13
- I Encik Ayob gembira apabila anaknya bersuamikan dengan lelaki pilihannya.
 - II "Patik menjunjung kasih atas perkenan Tuanku menyempurnakan upacara ini," kata pengacara majlis.
 - III Pelajar saling bertukar pendapat berkaitan isu yang diberi oleh guru.
 - IV Jalan raya di Malaysia adalah antara yang paling baik di rantau Asia.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 14 - 15

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 14 Ayril benar-benar berazam untuk memenangi pertandingan itu walaupun menyedari bahawa dia terpaksa bersaing dengan peserta-peserta lain yang hebat.

Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah

- A ada hati
- B bulat hati
- C besar hati
- D berat hati

- 15 Walaupun sudah beberapa kali dinasihatkan oleh guru, Aiman tetap malas mengulang kaji pelajarannya.

Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah

- A melepaskan batuk di tangga
- B mencurah air ke daun keladi
- C alang-alang berdakwat biar hitam
- D pendayung sudah di tangan, perahu sudah di air

Soalan 16 – 20 berdasarkan petikan di bawah

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Demam denggi merupakan penyakit bawaan nyamuk Aedes yang menyebabkan virus demam denggi kepada manusia. Kita sering kali alpa dan *memandang enteng* tentang wabak denggi sehingga ada dalam kalangan ahli keluarga kita dijangkiti demam denggi.

Acap kali kita mendengar bahawa pesakit yang mengalami demam denggi bagi kali kedua berdepan dengan risiko kematian. Hal ini demikian kerana antibodi badan mangsa sudah lemah dan tidak mampu melawan serangan virus denggi. Virus ini disebarkan oleh nyamuk aedes betina. Hakikatnya, risiko kematian sentiasa ada bagi setiap pesakit demam denggi walaupun kali pertama dijangkiti virus berkenaan.

Demam denggi bermula dengan pesakit mengalami demam panas diikuti dengan simptom-simptom lain seperti sakit kepala, sakit sendi dan sakit pada bahagian belakang mata serta ruam merah di kulit. Apabila platlet darah pesakit demam denggi semakin berkurangan secara berterusan, tekanan darah akan menjadi rendah, denyutan nadi juga semakin laju dan akhirnya berlaku kematian.

Demi memastikan keluarga bebas daripada demam denggi, kita mestilah memastikan keselamatan di dalam rumah. Sebagai contoh, tingkap dan pintu mestilah ditutup menjelang waktu senja. Selain itu, kita juga boleh menggunakan lingkaran elektrik atau penyerap cecair bagi menghalang serangga seperti nyamuk aedes masuk ke dalam rumah.

(Dipetik dan diubah suai daripada “*Demam Denggi Berisiko Maut*”
oleh Nor ‘Asyikin Mat Hayin, Harian Metro, 6 Januari 2019)

16 Apakah maksud rangkai kata *memandang enteng*?

- A mengambil mudah
- B membuat senang
- C menjadi remeh
- D melihat renyah

- 17 Mengapakah pesakit yang mengalami demam denggi bagi kali kedua berdepan dengan risiko kematian?
- A Risiko kematian sentiasa ada bagi setiap pesakit yang diserang virus denggi.
 - B Pesakit pernah menghidap demam denggi dan simptom-simptom lain.
 - C Antibodi badan pesakit sudah lemah dan tidak mampu melawan serangan virus denggi.
 - D Pesakit telah mengalami demam panas yang berpanjangan dan patlet darah pesakit semakin berkurangan.
- 18 Berikut merupakan gejala-gejala demam denggi berdasarkan petikan **kecuali**
- A ruam merah di kulit
 - B demam selesema
 - C sakit kepala
 - D sakit sendi
- 19 Langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan demam denggi
- A menggunakan cecair antidenggi
 - B menutup tingkap dan pintu pada waktu malam
 - C menggunakan lingkaran elektrik
 - D memastikan keselamatan di dalam dan di luar rumah
- 20 Mesej yang hendak disampaikan dalam petikan di atas ialah
- A demam denggi boleh membawa maut
 - B peranan keluarga penting dalam mencegah demam denggi
 - C kesihatan amat penting untuk mengelakkan demam denggi
 - D mencegah demam denggi lebih baik daripada merawat

BAHAGIAN B

[25 markah]

[Masa dicadangkan: 45 Minit]

Soalan 21 - 22

Arahan : Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan **satu** perkataan yang sesuai.

- 21 Tetamu yang hadir di majlis makan malam dihiburkan dengan gesekan biola daripada seorang _____ tanah air yang terkenal.
- 22 Pak Hashim dan isterinya bekerja bersungguh-sungguh untuk menyara kelima-lima orang anak mereka yang _____ bersekolah.

Soalan 23 - 24

Baca ayat di bawah dengan teliti, kemudian tentukan **subjek dan predikat**.

- 23 Enak sekali rasa buah durian belanda itu.

Subjek : _____

Predikat : _____



- 24 Pegawai perhutanan dari Sabah sedang membentangkan hasil penyelidikannya.

Subjek : _____

Predikat : _____

Soalan 25

Lihat pasangan gambar di bawah dengan teliti. Tulis **satu** peribahasa yang sesuai pada ruang jawapan yang disediakan.



Soalan 26 – 28 berdasarkan petikan syair di bawah

Baca syair di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut menggunakan ayat anda sendiri.

SYAIR BURUNG NURI

- | | | | |
|---|---|---|--|
| 1 | Bermula warkah surat rencana,
Ikatan fakir yang sangat hina,
Sajak dan nazam banyak tak kena,
Daripada pendapat kurang sempurna. | 5 | Sudahlah nasib untung yang malang,
Mengambah lautan berulang-ulang,
Mudaratnya bukan lagi kepalang,
Senantiasa di dalam nasib dan walang. |
| 2 | Gerangan sungguh amatlah leta,
Perinya akal gelap-gelita,
Hemat pun rendah daif berserta,
Tambahan badan miskin dan nista. | 6 | Hanyutlah badan ke sana ke mari,
Segenap pesisir desa negeri,
Bertambahlah pula sopan dan negeri,
Santap nan tidak minum pun kari. |
| 3 | Beribu ampun kiranya tuan,
Atasnya hulu fakir nistawan,
Daripada masyghul gundah merawan,
Terperilah madah patik nin tuan. | 7 | Bangun terjunun badan suatu,
Gundahlah fikir tiada tertentu,
Laksana cermin jatuh ke batu,
Remuk dan redam hancur di situ. |
| 4 | Dituliskan sahifah supaya nyata,
Barang yang ghairah di dalam cinta,
Terfikir-fikir bukan menderita,
Dakwat dan kertas tempat berkata. | 8 | Remuk dan redam rasanya hati,
Lenyaplah fikir budi pekerti,
Jikalau kiranya hamba turuti,
Daripada hidup sebaiknya mati. |

Mohd Yusof Md Nor dan Dr. Abd. Rahman Kaeh

Puisi Melayu Tradisi, 1996

Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Dipetik daripada *Syair Burung Nuri*
Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- 26 Berdasarkan rangkap kelapan syair, kemukakan **dua** sikap negatif yang tidak wajar dicontohi oleh pembaca. [3 markah]

- 27 Nyatakan **dua** bentuk syair yang terdapat dalam Syair Burung Nuri. [3 markah]

- 28 Kita dituntut agar meminta maaf daripada seseorang apabila melakukan kesalahan.

Pada pendapat anda, apakah kebaikan yang diperoleh apabila kita meminta maaf daripada seseorang? [4 markah]

Soalan 29

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 3**.

- (i) Justeru Impian di Jaring, karya Zaid Akhtar
- (ii) Hempasan Ombak, karya Zailiani Taslim
- (iii) Tawanan Komander Caucasus, karya Ruzaini Yahya
- (iv) Chot, karya Azizi Haji Abdullah

Persoalan yang ingin disampaikan oleh penulis bertujuan untuk menyokong tema.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, kemukakan **tiga persoalan** berserta **tiga contoh** yang sesuai.

[10 markah]

BAHAGIAN C

[15 markah]

[Masa dicadangkan : 15 Minit]

Soalan 30 (a)

Arahan : Pilih **satu** soalan sahaja daripada **Bahagian C** sama ada soalan ringkasan atau ulasan.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kepentingan media sosial**. Panjang ringkasan anda hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**.

Dalam arus modenisasi ini, kecanggihan teknologi maklumat telah mengubah landskap penyebaran maklumat secara global. Kewujudan media baharu seperti laman sosial Facebook, Twitter dan Youtube telah memberikan impak yang positif terhadap masyarakat global. Media sosial turut mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam setiap aspek kehidupan manusia. Kewujudan media sosial telah menjadikan proses komunikasi lebih mudah dan cepat.

Seterusnya, rangkaian media sosial telah memberikan akses kepada semua pengguna Internet untuk berhubung dengan lebih cepat daripada cara tradisional. Mesej penting dapat dihantar secara dalam talian pada bila-bila masa kerana sifatnya yang mudah diakses dengan kemudahan Internet. Tindakan seperti ini sekali gus dapat menjimatkan masa dan mengurangkan kos daripada terpaksa membuat penghantaran melalui pos.


Selain itu, media sosial turut menjadi dasar untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara dalam talian. Peniaga dapat mempromosikan produk-produk melalui media sosial seperti Wechat dan Facebook. Mereka juga dapat berinteraksi dengan pelanggan secara langsung tanpa batasan masa dan geografi. Natiujahnya, pelanggan akan dapat mempromosikan produk-produk yang dibeli kepada rakan yang lain.

Media sosial juga digunakan sebagai medium hiburan oleh golongan remaja untuk meredakan tekanan yang dialami oleh mereka. Reka bentuk dan gaya persembahan media sosial yang interaktif membuatkan pengguna tidak mudah berasa jemu terutama golongan remaja. Kesimpulannya, media sosial merupakan rangkaian Internet yang dicipta untuk memudahkan urusan seharian manusia.

(Dipetik dan diubah suai daripada *Kepentingan Media Sosial Kini*, oleh Mohd Adam Fazery Jeffry, Dewan Siswa, April 2018)

Soalan 30 (b)

Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan teliti. Kemudian tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.





MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR TINGKATAN 3

PAT3 2019

**UJIAN BERTULIS
KERTAS 2
OGOS**

1 Jam

02/2

Bahasa Melayu

ARAHAN:

1. Buka kertas peperiksaan ini apabila diberitahu.
2. Tulis **nama** dan **angka giliran** anda pada ruang yang disediakan.
3. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian; **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
4. Anda dikehendaki menjawab **soalan** dalam **Bahagian A** dan **satu soalan** daripada **Bahagian B**.
5. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
6. Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
B (Pilih satu)	1	30	
	2	30	
	3	30	
Jumlah		40	

NAMA :

ANGKA GILIRAN :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD


Arahan : Jawab soalan dalam Bahagian A serta **satu** soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan: 15 Minit]


- 1 Berdasarkan rajah yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.



BAHAGIAN B

[30 markah]

Lihat simbol berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di bawah dengan teliti. Kemudian pilih **satu daripada tiga soalan** tersebut dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 180 patah perkataan**.



1. Anda telah ditugaskan oleh guru bahasa Melayu untuk melakukan kerja lapangan dengan menggunakan media sosial.

Ceritakan pengalaman anda itu selengkapnya.

2. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dapat memudahkan urusan kehidupan seseorang kerana kecanggihannya dari segi fungsinya. Sebagai ketua pelajar, anda ingin memohon penyediaan kemudahan kafe siber di sekolah daripada pihak pengetua.

Tulis surat tersebut selengkapnya.

3. Nomofobia merupakan perasaan takut yang dialami oleh seseorang untuk hidup tanpa telefon pintar yang boleh memberi kesan buruk dalam kehidupan harian.

Berikan pendapat anda tentang kesan-kesan penggunaan telefon pintar secara tidak terkawal.